



SOALAN LAZIM

PENGECUALIAN KELULUSAN BAGI SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ) DALAM MEMBUAT KUTIPAN SUMBANGAN DARIPADA ORANG RAMAI

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| 1. | Apakah bentuk pengecualian yang dinikmati oleh SBMJ yang mendapat kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) di dalam inisiatif ini? | SBMJ yang mendapat kelulusan LHDNM di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 tidak perlu membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan YB Menteri atau Pendaftar sekiranya mahu membuat aktiviti kutipan sumbangan (<i>solicitation of donation</i>) daripada orang ramai bagi tujuan pandemik COVID-19. Pengecualian ini terpakai sehingga 31 Disember 2020. |
| 2. | Apakah bentuk pengecualian yang dinikmati oleh SBMJ yang tidak mendapat kelulusan LHDNM di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 di dalam inisiatif ini? | <p>Bagi SBMJ yang tidak mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, SBMJ tersebut juga boleh terus membuat aktiviti kutipan sumbangan daripada orang ramai sekiranya ia bertujuan untuk pandemik COVID-19 walaupun belum membuat permohonan mendapatkan kelulusan YB Menteri atau Pendaftar.</p> <p>Bagaimanapun, SBMJ tersebut perlu membuat permohonan kepada YB Menteri atau Pendaftar mengikut Senarai Semak Ke-6 Garis Panduan SBMJ dalam tempoh 30 hari selepas Perintah Kawalan Pergerakan berakhir. Senarai Semak Ke-6 ini bersama-sama Garis Panduan SBMJ boleh dimuat turun daripada laman web SSM pada pautan berikut https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx</p> |
| 3. | Adakah terdapat apa-apa syarat tambahan bagi SBMJ yang tidak mendapat kelulusan LHDNM di | Ya. Sebagai tambahan, SBMJ tersebut perlu menyatakan di dalam dokumen promosi kutipan sumbangan seperti |

| | | |
|----|--|---|
| | bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 sekiranya mahu membuat aktiviti kutipan sumbangan bagi tujuan COVID-19? | templat, brosur, iklan atau apa-apa dokumen promosi lain bahawa SBMJ tersebut tidak termasuk di dalam senarai institusi atau organisasi yang diberi kelulusan oleh LHDNM di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi mengelakkan kekeliruan penyumbang berkaitan isu pelepasan cukai. |
| 4. | Sekiranya sesebuah SBMJ ingin membuat aktiviti kutipan sumbangan daripada orang ramai bagi tujuan kebajikan yang tiada kaitan dengan pandemik COVID-19, bolehkah SBMJ tersebut menikmati pengecualian dan kelonggaran yang terdapat di dalam inisiatif ini? | Tidak. SBMJ yang mahu membuat aktiviti kutipan sumbangan yang bukan bertujuan untuk pandemik COVID-19 tidak akan diberi pengecualian mahupun kelonggaran yang terdapat di dalam inisiatif ini. Pengecualian dan kelonggaran yang di dalam inisiatif ini hanyalah untuk kutipan sumbangan bagi tujuan pandemik COVID-19. |
| 5. | Bagaimana pula sekiranya aktiviti kutipan sumbangan yang hendak dibuat oleh sesebuah SBMJ hanyalah berbentuk barang makanan atau kelengkapan perubatan tanpa melibatkan sumbangan wang, adakah SBMJ tersebut akan menikmati pengecualian di dalam inisiatif ini? | Aktiviti kutipan sumbangan daripada orang ramai yang dimaksudkan di dalam inisiatif ini adalah bagi kutipan sumbangan berbentuk wang sahaja. Tiada keperluan untuk memohon kelulusan YB Menteri atau Pendaftar sekiranya ingin mengutip sumbangan dalam bentuk selain daripada wang. |
| 6. | Adakah terdapat keperluan untuk menyimpan rekod sumbangan yang diterima daripada orang ramai sekiranya aktiviti kutipan sumbangan yang dibuat bertujuan untuk COVID-19? | Ya. Setiap SBMJ perlu memastikan rekod penerimaan setiap sumbangan yang diterima disimpan dengan baik bagi tujuan pemantauan oleh SSM. Ini bagi memastikan amalan tadbir urus yang baik sentiasa terjaga. |